



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

### Khutbah Bulan November

2021M/ 1443H

TARIKH	TAJUK	Bil.
5 November 2021M/ 29 Rabiulawwal 1443H	<b>TAKUT YANG TERHAKIS</b>	.1
12 November 2021M/ 7 Rabiulakhir 1443H	<b>JAUHI AQIDAH YANG SESAT</b>	.2
19 November 2021M/ 14 Rabiulakhir 1443H	<b>CARI YANG HALAL, HINDARI YANG HARAM</b>	.3
26 November 2021M/ 21 Rabiulakhir 1443H	<b>TENANG TANPA HUTANG</b>	.4
	Khutbah Kedua	



زكاة فولاو قينع

No. Telefon: 04-549 8088

---

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**  
Ketua Sektor Pendidikan Islam,  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP)
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# JAUHI AQIDAH YANG SESAT

( 12 November 2021M/ 7 Rabiulakhir 1443H )

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ أَعَادَ وَأَبَدَى وَالشُّكْرُ لَهُ عَلٰى مَا انْعَمَ وَأَسْدَى.  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ مَنِ اتَّبَعَ هُدًاهُ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَى، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً  
عَبْدُ اللّٰهِ وَرَسُولُهُ كَرَمُ رَسُولًا وَشَرِيفٌ عَبْدًا.  
صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلٰهٖ وَصَحْبِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ سَارَ عَلٰى  
نَهْجِهِمْ وَاهْتَدَى. أَمّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، أُوصِنِّيكُمْ وَإِيَّايَ يُتَّقَوِّيُ اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوشُ إِلَّا وَآتَشُ مُسْلِمُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri dan sidang jemaah sekalian untuk terus memperkuat keimanan dan ketaqwaan kepada Allah ﷺ dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dijauhi dari setiap bala dan musibah daripada Allah SWT.

Sebelum melanjutkan bicara, ingin khatib memberikan peringatan. Marilah kita bersama-sama meninggalkan perbuatan lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab

iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Hal ini termasuklah perbuatan seperti berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapai kewajipan solat Jumaat pada hari ini. Marilah bersama kita menghayati khutbah Jumaat yang bertajuk "**JAUHI AQIDAH YANG SESAT.**"

## **SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI ALLAH,**

Saban tahun, kita mendengar kisah dan berita mengenai ajaran sesat yang berlaku dan menular di negara kita. Beberapa bulan sebelum ini, kita dikejutkan dengan penangkapan seorang wanita yang dikaitkan dengan ajaran dikenali sebagai 'Perjalanan Mimpi Yang Terakhir'. Perkara ini tular apabila sebaran video mengenai seorang individu yang mendakwa dirinya boleh berhubung terus dengan Allah, malaikat dan Nabi Muhammad ﷺ.

Kes-kes sempama ini bukan baru sahaja berlaku, malah terdapat banyak lagi ajaran dan fahaman mengelirukan yang telah berlaku di negara kita sebelum ini. Ajaran Ayah Pin, Rasul Melayu, penyembah matahari dan sebagainya tidak akan berlaku sekiranya umat Islam memiliki ilmu dan kefahaman yang kukuh. Menitikberatkan pegangan tauhid adalah satu kemestian kerana tauhid menjadi kayu ukur sama ada seseorang itu beriman atau sebaliknya. Firman Allah ﷺ dalam Surah Ar-Rum ayat 30 yang bermaksud;

“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutilah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah ciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

## **WAHAI TETAMU ALLAH YANG DIMULIAKAN,**

Imam asy-Shafie pernah berkata: “*Jika kamu melihat seseorang boleh terbang di udara dan boleh berjalan di atas air, jangan kamu tertipu dengannya sehingga kamu mengukur peribadi dan amalannya dengan pertimbangan neraca al-Quran dan al-Sunnah.*”

Oleh itu, bagaimana kita dapat mengenali sama ada sesuatu ajaran itu merupakan ajaran yang menyeleweng daripada akidah sebenar?

Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ciri-ciri ajaran sesat yang menyalahi pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dibahagikan mengikut tiga kategori iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak.

Dari segi Aqidah antaranya adalah dengan mengaku diri sebagai tuhan, nabi dan rasul, mendakwa mengetahui perkara ghaib, bertemu Rasulullah ﷺ secara sedar, mencerca ahli keluarga dan sahabat Baginda dan banyak lagi.

Dari aspek Syariat pula, antaranya seperti mengubah sesuatu ibadah fardhu yang telah disyariatkan, menolak kandungan yang terdapat dalam al-Qur'an serta hadis dan menghalalkan perkara yang diharamkan oleh Allah ﷺ. Manakala dari segi Akhlak adalah dengan mendakwa Allah hanya menilai kebersihan batin dan tidak perlu mengikut syariat sekiranya *tasawwuf* telah sempurna.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Di samping penggunaan teknologi komunikasi yang semakin canggih, pengaruh ajaran sesat di negara juga mudah berkembang luas kerana modus operandinya yang licik sebagai contoh bala akan menimpa sekiranya para pengikut mendedahkan apa yang mereka pelajari kepada orang lain. Malah, mereka juga bijak memujuk orang-orang yang berpengaruh, berharta dan berpangkat agar mendapat kedudukan mulia di sisi masyarakat.

Selain itu, hanya ketua-ketua dalam kumpulan mereka sahaja dilihat sebagai seorang yang istimewa yang perlu dirujuk, dipuja dan bersifat maksum. Maka jelaslah, pegangan sebegini sangat bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar serta mampu menjerumuskan seseorang ke lembah kesesatan. Mendakwa diri mengetahui perkara-perkara ghaib sebenarnya telah menyalahi dan bercanggah dengan syariat Allah ﷺ sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Naml ayat 65;

٦٥ قُل لَا يَعْلَمُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعَثُونَ

Maksudnya: “Katakanlah lagi: Tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah! Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).”

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Bukanlah sesuatu yang pelik apabila masih terdapat segelintir masyarakat yang masih mengikuti pelbagai ajaran sesat dan menyeleweng sehingga hari ini. Berdasarkan sejarah Islam, golongan sesat telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad ﷺ misalnya ajaran yang dibawa oleh *Musailamatul Kazzab* yang mendakwa dirinya nabi dan mereka-reka ayat untuk menyaangi al-Quran.

Sememangnya ajaran sesat akan sentiasa wujud pada setiap zaman sama ada disebabkan oleh kejahilan, kedegilan, mempercayai ilmu daripada sumber yang tidak benar seperti *Google* dan *Youtube* dan sebagainya, ingin sentiasa dipuja dan disanjung, keinginan untuk menjadi berbeza serta tunduk kepada hawa nafsu. Para pengikut pula cenderung kepada sifat ta’asub, mengagung-agungkan pemimpin atau ketua kumpulan mereka secara melampau melebihi kedudukan para nabi dan rasul.

Maka atas sebab itulah, kita dituntut untuk berpegang teguh dengan apa yang terkandung di dalam al-Quran dan As-Sunnah sepetimana sabda Baginda ﷺ؛

تَرَكْتُ فِيهِمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

**Maksudnya:** “Aku telah tinggalkan buat kamu dua perkara selagimana kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu Kitabullah dan sunnah Nabi-Nya.”

(Hadis Riwayat Imam Malik)

### SIDANG MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH ،سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Mengakhiri khutbah, khatib ingin menegaskan beberapa perkara penting bagi memelihara diri kita dari terjerumus kepada sebarang dakyah yang menyeleweng:

**Pertama:** Menjalani kehidupan berpandukan aqidah dan ilmu yang benar serta menggunakan pertimbangan akal fikiran yang waras dalam segenap urusan kehidupan.

**Kedua:** Merujuk kepada al-Quran dan Hadis, pandangan ulama yang muktabar serta golongan yang berkelayakan seperti pihak berkuasa agama sekiranya terdapat kekeliruan.

**Ketiga:** Masyarakat perlu mengambil ilmu daripada guru yang diketahui pengajian agamanya adalah mengikut disiplin ilmu Islam yang sebenar.

**Keempat:** Memantau anak-anak dan ahli keluarga sekiranya mereka berkelakuan pelik kerana dibimbangi terpengaruh dengan ajaran yang meragukan.

Sesungguhnya pegangan akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merupakan jalan yang betul, selamat, jelas dan tiada kekeliruan bersandarkan sumber al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qias. Semoga Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى memelihara diri kita, keluarga dan seluruh masyarakat dari ajaran sesat, sehingga ke akhir nafas.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوْا فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلٍ  
وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: “Katakanlah Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau dalam agama kamu secara yang tidak benar dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul.”

(Surah al-Maidah ayat 77)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فِيَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّاءِبِينَ.



## Khutbah Kedua Bulan November

2021M/ 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،  
أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُكُتَهُ  
يُصْلِّونَ عَلَى الْئَيْتَىٰ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ⑤

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَئِمَّتَنَا وَوُلَّةَ أُمُورِنَا وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَائِيتكَ  
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالِهِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in

Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَصَاحِبِ الْفَخَامَةِ

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ اكْسِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna.*

اللَّهُمَّ قَوْ إِيمَانَنَا، وَوَحْدُ صُفُوفَنَا، وَاجْمَعْ قُلُوبَنَا عَلَى مَحَبَّتِكَ وَنُصْرَةِ شَرِيعَتِكَ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

سُبْحَانَ رَبِّ الْعَزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

﴿سورة الصافات﴾